

**TEKS UCAPAN**

**YBHG. PROFESOR DATUK DR. HAJAH ROZIAH**

**MOHD JANOR**

**NAIB CANSOLOR**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN KONVENSYEN**

**MPP UiTM SE-MALAYSIA**

**3 SEPTEMBER 2023 | AHAD | 8 MALAM**

**BAHANG BAY HOTEL, PULAU PINANG**

**Terima kasih Pengacara Majlis.**

**Bismillahirrahmanirrahim**

- 1. Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin,  
Menteri Pendidikan Tinggi**
- 2. Yang Berbahagia Datuk Omar Shariff Mydeen, Ahli  
Lembaga Pengarah Universiti**
- 3. Yang Berbahagia Profesor Dr Haji Mohd Sazili Shahibi,  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)**
- 4. Yang Berbahagia Profesor Insinyur Dr Haji Ahmad Rashidy  
Razali, Rektor UiTM Cawangan Pulau Pinang**
- 5. Saudara Mohamed Yusuf Hassan Roslan, Yang Dipertua Majlis  
Perwakilan Pelajar UiTM Shah Alam**
- 6. Pegawai Kanan  
Kementerian Pendidikan Tinggi**
- 7. Barisan Bahagian  
Hal-Ehwal Pelajar**
- 8. Barisan MPP UiTM Se-Malaysia**
- 9. Rakan-rakan media**

**Serta Para Hadirin Sekalian,**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan  
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.**

- 1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT atas**

limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama berkumpul di Bahang Bay Hotel pada hari ini bagi **Perasmian Pembukaan Konvensyen Majlis Perwakilan Pelajar UiTM Se-Malaysia Sesi 2022/ 2023**.

2. Pertama sekali, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kehadiran Dato' Seri Haji Mohamed Khaled Nordin, Menteri Pendidikan Tinggi dan Datuk Omar Shariff Mydeen, Ahli Lembaga Pengarah UiTM ke acara kita pada malam ini.

3. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada barisan kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar atau MPP UiTM Shah Alam Sesi 2022/2023 kerana telah menganjurkan program ini. Saya difahamkan **Program Konvensyen MPP UiTM Se-Malaysia** merupakan inisiatif MPP bagi sama-sama berkumpul untuk mencari resolusi yang terbaik daripada mahasiswa UiTM di seluruh Malaysia.

**Hadirin sekalian,**

4. Peranan MPP sangat signifikan dalam membawa manifesto. Mereka merupakan penghubung dua hala antara pihak pengurusan universiti dan mahasiswa. Di UiTM, penglibatan Yang Di-Pertua dan Naib Yang Di Pertua MPP dalam Mesyuarat Senat, banyak membantu mahasiswa dalam memastikan penyampaian maklumat disalurkan dengan berkesan. Contohnya, berkenaan dengan hal-ehwal peperiksaan yang setakat ini berjalan lancar dan tiada aduan dari mahasiswa.

5. Seperti mana diketahui, Konvensyen MPP ini berperanan sebagai satu platform untuk menerapkan nilai kepimpinan era baharu dan menyuarakan idea serta pandangan melalui perbincangan dan perbincangan bersama. Konvensyen MPP UiTM Se-Malaysia ini melibatkan semua ahli MPP dari setiap cawangan UiTM yang berjumlah **241 perwakilan**.

6. "Konvensyen MPP Teras Pemerkasaan Mahasiswa" merupakan satu tema yang cukup indah untuk memartabatkan suara mahasiswa ini ke peringkat yang lebih tinggi.

7. Antara objektif yang dibawa pada konvensyen kali ini adalah untuk menyelaraskan pelaksanaan gerak kerja MPP UiTM. Penyelarasan gerak kerja ini penting agar tindakan dan tanggungjawab adalah selari dengan pihak pengurusan UiTM dalam menyelesaikan masalah yang berlaku di kampus.

8. Hasil perbincangan dua hala antara mahasiswa dan pengurusan UiTM akan menyerlahkan kebersamaan dalam membuat keputusan dan ini menunjukkan wujudnya amalan demokrasi dalam kalangan MPP.

9. Kematangan dalam membuat keputusan akan menyerlahkan potensi mahasiswa sebagai produk UiTM. Mereka bukan sahaja dapat memenuhi pasaran guna tenaga manusia tempatan, malah bersedia untuk berkhidmat di peringkat global.

10. Saya berharap agar semua warga MPP dari seluruh Malaysia yang hadir pada hari ini mestilah berfikir secara kritis, kreatif dan di luar kotak pemikiran untuk sama-sama menghasilkan resolusi bernas untuk menyelesaikan isu dengan cekap.

11. *'Every action has consequences'* setiap perkara dan tindakan ada baik buruknya. Jadi, saya mohon pastikan perbincangan dan perbahasan kelak membawa input yang positif dan jangan sesekali bergerak ke arah yang sebaliknya.

**Hadirin sekalian,**

12. Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan syabas kepada **barisan Timbalan Rektor HEP di seluruh UiTM** dalam menerapkan elemen pemerksaan mahasiswa kita dalam menganjurkan aktiviti sebegini. Tidak ketinggalan juga kepada **Rektor UiTM Cawangan Pulau Pinang** kerana bantu menyediakan keperluan logistik untuk program ini. Program ini juga tidak dapat direalisasikan tanpa usaha dan kerjasama daripada semua pihak yang membantu HEP dan MPP menjayakan konvensyen ini.

13. Akhir kata, saya ingin merakamkan penghargaan kepada Jawatankuasa Pelaksana MPP dan HEP yang terlibat sama dalam merealisasikan program ini. Dan terima kasih sekali lagi kepada Dato' Seri Haji Mohamed Khaled Nordin bersama pegawai dari KPT kerana sudi datang dan merasmikan konvensyen ini.

14. Selamat bermesyuarat dan berbahas demi kebaikan mahasiswa sejagat. Saya mendoakan semoga usaha ini tidak sia-sia dan sentiasa diiringi oleh berkat Allah S.W.T.

**Sekian.**

**Wabillahitaufiq Walhidayah Wassalaamualaikum,  
Warahmatullahi Wabarakatuh.**